

**KAJIAN TIPOLOGI PELANCONG DOMESTIK DI KAWASAN MELAKA  
BANDARAYA BERSEJARAH**

**NUR SAFURAA BT MOHAMED SALIB**

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian  
daripada syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah

**JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH  
FAKULTI ALAM BINA  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

## ABSTRAK

Pelancongan Warisan dan kebudayaan adalah satu bentuk pelancongan yang unik. Ia bukan mengenai peninggalan sejarah mahupun budaya, tetapi pengalaman, faedah serta pengetahuan yang diperolehi oleh para pelancong, apabila melawat ke tempat bersejarah. Sektor pelancongan di Negeri Melaka merupakan satu sektor yang popular sama ada diperingkat nasional atau antarabangsa. Pelancongan merupakan aset utama Negeri Melaka di mana sesuai dengan perannya sebagai pusat sejarah dan kebudayaan. Walaupun Melaka kaya dengan peninggalan sejarah dan budaya, namun adakah motivasi pelancong domestik ke Melaka untuk memahami sejarah dan budaya serta mengalami pengalaman yang menarik ataupun motivasi mereka hanya untuk bersiar-siar tanpa ingin mendapat pengalaman walaupun sedikit. Maka matlamat kajian ini adalah untuk mengkaji kualiti pengalaman pelancong domestik apabila melancong ke kawasan bersejarah. Terdapat beberapa objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini iaitu mengenalpasti motivasi/tujuan pelancong domestik melawat ke Melaka, kedua ialah melihat sama ada pelancong domestik mempunyai pengalaman yang menarik dan ketiga ialah mengenalpasti pelancong domestik tergolong dalam kategori *mindful tourist* ataupun *mindless*. Bagi mencapai objektif diatas, kaedah soal selidik berbentuk '*semantic differential*' ditadbir. Bagi memperoleh hasil analisis, teknik analisis deskriptif berdasarkan *linkert scale* digunapakai bagi mengetahui pelancong domestik adalah pelancong *mindful* atau *mindless*. Hasil daripada kajian yang dibuat, didapati bahawa pelancong domestik yang melancong ke Melaka merupakan pelancong *mindful* tetapi mempunyai pengalaman yang cetek (*shallow experience*). Implikasi kajian ini kepada sektor pelancongan Negeri Melaka adalah membantu dalam menyediakan pelbagai aksesibiliti yang berkaitan dengan warisan dan budaya dalam membentuk pelancong domestik yang *mindful*.

## ABSTRACT

Heritage and cultured tourism is a unique form of tourism. It is not about historical remains or culture but rich experience, great interests and bountiful knowledge gained by tourists when they visit these historical places. Malacca's tourism sector has gained popularity nationally and internationally and it is a valuable asset too because of her role as a historical and cultural centre. Although she is rich in historical sites and culture, are domestic tourists motivated to visit the historical sites to understand the historical background and culture, gain interesting experience or their tour is for leisure per se? Therefore this research is undertaken to investigate the quality of domestic tourists experiences when touring the historical sites. There are 3 main objectives to be achieved in this research. The first objective is to determine what motivates/attracts domestic tourists to visit Malacca, second is to gauge whether domestic tourists has gain interesting experiences and third to determine whether they are mindful or mindless tourists. To achieve the above objectives, a semantic differential questionnaire is administered. Descriptive analysis technique is used to gauge their knowledge of mindful or mindless tourists. The result of the research proves that domestic tourists are mindful but they have shallow experience. The implication of this research to Malacca tourism is to provide numerous accessibility that involves heritage and culture to mould these domestic tourists as mindful lot.